LAPORAN SETENGAH TAHUNAN | ASNB

AMANAH SAHAM NASIONAL

ASN Equity 5

Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mac 2022

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PENERBITAN PROSPEKTUS INDUK TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 20 OKTOBER 2021

Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda bahawa Prospektus Induk bertarikh 1 Februari 2020 (PI) telah dikemaskini melalui Prospektus Induk Tambahan Pertama yang bertarikh 20 Oktober 2021 (PITP). Kemaskini yang dilakukan di dalam PI adalah seperti berikut:

1) Penambahan definisi tentang Bursa Malaysia, Tempoh Bertenang, dan "*Electronic Know Your Customer*" (e-KYC) di bawah "Glosari Terma/Singkatan";
2) Kemaskini penyataan prestasi penanda aras di bawah "Informasi Tabung";
3) Pembetulan berkenaan had penumpuan pelaburan bagi Tabung di bawah naungan ASN Umbrella, untuk ASN Imbang 2, ASN Equity 3 dan ASN Sara 1 di bawah "Maklumat Tabung";
4) Kemaskini tentang pendedahan risiko pandemik di bawah "Risiko Force Majeure" berkenaan "Risiko Am ";
5) Pindaan ke atas ilustrasi Harga Tunggal untuk ASN, ASN Equity 2, ASN Equity 3, ASN Equity 5, ASN Imbang 1, ASN Imbang 2, ASN Sara 2 di bawah "Polisi Harga Tunggal";
6) Penambahan berkenaan keperluan had maksimum untuk badan korporat atau badan bukan korporat di Malaysia atau institusi bagi Tabung ASB dan ASB 2 untuk tujuan wakaf di bawah "Butir-butir Transaksi".
7) Penerangan mengenai proses e-KYC yang baharu diperkenalkan iaitu proses untuk mengenal pasti dan mengesahkan identiti Pemegang Unit ASNB yang berpotensi secara elektronik di bawah Polisi dan Prosedur Pencegahan Pengubahan Wang Haram;
8) Penyataan semula berkenaan tempoh bertenang untuk kejelasan dan pemahaman yang lebih baik kepada Pemegang Unit di bawah "Informasi Tambahan";
9) Senarai surat ikatan tambahan yang telah dikemas kini di bawah "senarai surat ikatan yang dimeterai antara Pengurus dan Pemegang Amanah";
10) Maklumat mengenai pelantikan baharu Tun Arifin bin Zakaria dan Encik Ahmad Zulqarnain bin Che On sebagai Ahli Lembaga Pengarah ASNB di bawah "Latar belakang Pengurus";
11) Permohonan yang diluluskan mengenai pengecualian dan variasi yang diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk Dana Harga Tetap, melalui suratnya yang bertarikh 16 Ogos 2021 di bawah "Kelulusan dan Syarat";
12) Pemansuhan penyataan berkenaan "Transaksi Pihak Berkaitan/Konflik Kepentingan" di bawah "Konflik Kepentingan";
13) Maklumat berhubung Tetuan Ernst & Young PLT di bawah "Deklarasi Konflik Kepentingan";
14) Maklumat berhubung dengan Pengecualian Cukai untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 di bawah "Percukaian Tabung"; dan
15) Kemaskini senarai ejen ASNB.

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Kami memberi jaminan bahawa pindaan ini tidak akan menjejaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah juga kekal sama. PITP ini boleh diperolehi di laman sesawang ASNB di www.asnb.com.my. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai notis ini, sila hubungi pusat panggilan ASNB di 03-7730 8899 atau e-mel kami di asnbcare@pnb.com.my

ISI KANDUNGAN

1.	**MAKLUMAT TABUNG**	**1**
2.	**PRESTASI TABUNG**	**3**
3.	**LAPORAN PENGURUS**	**7**
4.	**PENYATA PENGURUS**	**12**
5.	**PENYATAAN PEMEGANG AMANAH**	**13**
6.	**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 5**	**14**
7.	**PENYATA KEWANGAN**	**17**
	7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mac 2022	17
	7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mac 2022	18
	7.3 Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Mac 2022	19
	7.4 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mac 2022	20
	7.5 Penyata Aliran Tunai Bagi Tempoh Kewangan Berakhir 31 Mac 2022	21
	7.6 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Mac 2022	22
8.	**ALAMAT CAWANGAN ASNB**	**45**

LAPORAN PENGURUS
ASN EQUITY 5

ASN Equity 5

Pemegang-pemegang unit ASN Equity 5 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASN Equity 5 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Setengah Tahunan ASN Equity 5 bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2022.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
ASN Equity 5	Ekuiti	Pertumbuhan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASN Equity 5 adalah untuk menjana pulangan yang berpatutan dalam bentuk pengagihan pendapatan dan pertumbuhan modal kepada pemegang-pemegang unit melalui kepelbagaian portfolio pelaburan.

1.3 TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

30 September.

1.4 PENANDA ARAS TABUNG

ASN Equity 5 menggunakan penanda aras cipta-suai yang menggabungkan Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 (FBM 100) dan Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya, seperti berikut:

Kombinasi Penanda Aras Cipta-Suai	**%**
FBM 100 *Sumber: www.bursamalaysia.com.my*	80
Maybank 12 bulan *Sumber: www.maybank2u.com.my*	20

1.5 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASN Equity 5 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.6 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Mac 2022, seramai 12,197 individu telah menyertai ASN Equity 5. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	4,779	39.18	3,319,384.97	0.94
5,001 hingga 10,000	1,071	8.78	6,665,186.88	1.88
10,001 hingga 50,000	4,449	36.48	98,878,135.82	27.94
50,001 hingga 500,000	1,841	15.09	194,456,629.00	54.95
500,001 dan ke atas	57	0.47	50,558,141.00	14.29
JUMLAH	**12,197**	**100.00**	**353,877,477.67**	**100.00**

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

Perumpukan Aset bagi ASN Equity 5 mengikut sektor pada Nilai Pasaran berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada 31.03.2022	Pada Tahun Kewangan Berakhir 30 September (%)		
		2021	2020	2019
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:				
Perkhidmatan Komunikasi	2.17	4.34	3.83	4.06
Barangan Bukan Asasi Pengguna	5.18	10.65	5.80	6.01
Barangan Asasi Pengguna	10.62	10.29	9.02	4.21
Tenaga	5.30	1.87	8.01	8.40
Kewangan	17.10	11.96	18.52	25.19
Penjagaan Kesihatan	1.50	2.04	10.46	6.14
Perindustrian	7.22	11.31	10.13	3.32
Teknologi Maklumat	8.49	16.86	11.82	8.14
Bahan Asas	10.49	11.75	3.33	4.65
Hartanah	5.28	4.56	0.71	-
Utiliti	0.38	2.81	6.60	7.20
Jumlah	**73.73**	**88.44**	**88.23**	**77.33**
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:				
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Skim Pelaburan Kolektif Yang Disenaraikan	3.15	-	-	-
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	-	-	4.24	8.43
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	23.12	11.56	7.53	14.24
Jumlah	**100.00**	**100.00**	**100.00**	**100.00**

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan:

	Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 31.03.2022	Tahun Kewangan Berakhir 30 September (%)		
		2021	2020	2019
Sebelum Pengagihan Pendapatan				
NAB (RM'000)	331,205	338,043	379,939	386,640
NAB Seunit (RM)	0.9322	0.9824	0.9184	0.9611
Selepas Pengagihan Pendapatan				
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	-	2.85	3.10	3.75
NAB (RM'000)	331,205	328,236	367,114	371,553
NAB Seunit (RM)	0.9322	0.9539	0.8874	0.9236
NAB Seunit Terendah (RM)	0.8973	0.8825	0.7201	0.9236
NAB Seunit Tertinggi (RM)	0.9830	0.9250	0.9755	1.0014
Unit Dalam Edaran ('000)	355,300	344,100	413,700	402,300
Tarikh Pengagihan Pendapatan	-	2 Oktober 2021	2 Oktober 2020	2 Oktober 2019
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)[1]	0.82	1.64	1.53	1.56
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali)[2]	0.80	1.22	1.27	1.21
Pulangan				
Pulangan Pendapatan (%)[3]	0.00	2.99	3.49	4.06
Pulangan Modal (%)[4]	-2.27	7.49	-3.92	-7.64
Jumlah Pulangan (%)[5]	-2.27	10.71	-0.56	-3.89

Nota:

1. *Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASN Equity 5 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 5 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.*
2. *Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASN Equity 5 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.*
3. *Pulangan Pendapatan (%):* $\left[\frac{Pengagihan\ Pendapatan\ Seunit}{NAB\ Seunit\ Selepas\ Pengagihan\ Pendapatan}\right] \times 100$
4. *Pulangan Modal (%):* $\left[\left(\frac{NAB\ Seunit\ Selepas\ Pengagihan\ Pendapatan}{NAB\ Seunit\ Awal\ Tahun\ Kewangan}\right) - 1\right] \times 100$
5. *Jumlah Pulangan (%:* $\left[\left(1 + \frac{Pulangan\ Modal}{100}\right) \times \left(1 + \frac{Pulangan\ Pendapatan}{100}\right) - 1\right] \times 100$

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2022, ASN Equity 5 tidak mengisytiharkan sebarang pengagihan pendapatan.

2.4 JUMLAH PULANGAN TAHUNAN

Pulangan tahunan bagi ASN Equity 5 adalah seperti berikut:

	Pada 31 Mac 2022		
	1 Tahun	**3 Tahun**	**Sejak Penubuhannya**
Pulangan Tahunan (%)[1]	-1.57	2.13	0.95
Penanda Aras (%)	-1.06	-0.21	-1.86

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. *Pengiraan pulangan tahunan (annualized return) adalah seperti berikut:-*

   $= \left[[(1+r_1)\times(1+r_2)\times \ldots \ldots \times (1+r_n)]^{\frac{1}{n}} - 1\right] \times 100$

   Di mana, r = pulangan tahunan; n = bilangan tahun.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASN Equity 5 berbanding penanda aras cipta-suai adalah seperti berikut:

	Bagi Tempoh Enam Bulan Berakhir 31.03.2022	**Tahun Kewangan Berakhir 30 September**		
		2021	**2020**	**2019[1]**
Jumlah Pulangan (%)	-2.27	10.71	-0.56	-3.89
Penanda Aras (%)	0.73	3.01	-2.00	-7.95

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. *Pengiraan bagi Jumlah Pulangan bermula daripada 24 September 2018 (tarikh pelancaran) hingga 30 September 2019.*



Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan dan harga unit jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 ANALISIS NILAI ASET BERSIH (NAB) TABUNG

ASN Equity 5 telah mencatatkan peningkatan NAB sebanyak +0.90% daripada RM 0.3282 bilion kepada RM 0.3312 bilion bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2022. NAB seunit pula mencatatkan penurunan sebanyak -2.27% daripada RM 0.9539 kepada RM 0.9322 bagi tempoh yang sama.

2.7 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2022.

2.8 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASN Equity 5 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.9 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASN Equity 5. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana *"Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies"*. Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas perlaksanaan transaksi tersebut.

2.10 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASN Equity 5 adalah untuk melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham lain yang diiktiraf, sekuriti yang tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk di dalam Surat Ikatan ASN Equity 5. ASN Equity 5 boleh melaburkan 70% sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam ekuiti dan bakinya dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASN Equity 5 boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran.

3.2 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Strategi pelaburan ASN Equity 5 bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022 dilaksanakan dengan perumpukan aset ekuiti yang aktif dan mampu memberi pulangan kompetitif, dalam keadaan pasaran saham yang mencabar.

Perumpukan aset dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi tempatan dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif ASN Equity 5 tercapai. Sepanjang tempoh enam bulan purata perumpukan aset adalah 84.6% ekuiti: 15.4% tunai berbanding penanda aras 80% ekuiti:20% tunai.

i. Ekuiti

Pelaburan ASN Equity 5 dalam ekuiti tertumpu kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas kukuh serta prospek perniagaan yang cerah dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif dalam keadaan ekonomi dan pasaran saham global yang tidak menentu.

Pelaburan ekuiti domestik telah dibuat berdasarkan persekitaran pasaran dan ekonomi yang sedang pulih daripada wabak COVID-19 serta kadar inflasi global yang agak tinggi berbanding dengan rekod sejarah yang berpunca daripada pemulihan yang tidak sekata bagi ekonomi-ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat dan China yang menyebabkan rantaian bekalan masih terganggu. Oleh itu, pada separuh tahun pertama, pegangan tertumpu kepada sektor yang mendapat manfaat dari pemulihan ekonomi seperti sektor kewangan dan sektor yang mendapat manfaat daripada inflasi seperti sektor komoditi. Pengurus Pelaburan juga telah mengurangkan pendedahan terhadap sektor teknologi memandangkan sektor ini merupakan sektor yang paling terkesan oleh peningkatan kadar faedah bank-bank pusat dunia, terutamanya Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat.

ASN Equity 5 juga telah membuat pelaburan di pasaran saham luar negara dalam usaha menjana pulangan yang lebih kompetitif. Pelaburan ASN Equity 5 dalam pasaran saham antarabangsa tertumpu kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas serta prospek perniagaan yang kukuh, tren mega seperti tenaga hijau dan sektor yang kurang terkesan atau mendapat manfaat daripada inflasi seperti sektor

komoditi. Antara pasaran saham antarabangsa yang menjadi tumpuan oleh ASN Equity 5 adalah Amerika Syarikat dan Australia, manakala disebabkan ketegangan geopolitk di antara Russia dan Ukraine, ASN Equity 5 mengambil strategi mengurangkan pelaburan di Eropah dan menumpukan pelaburan hanya kepada sektor komoditi yang mendapat manfaat daripada ketegangan hubungan Russia dan Ukraine, seperti pengeluar minyak mentah dan pelombong tembaga.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022, ASN Equity 5 tidak mempunyai pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap sejak tahun kewangan 2021 memandangkan kadar faedah berada pada trajektori menaik.

Pelaburan Tabung ASN Equity 5 dalam pasaran wang pula untuk memastikan tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.3 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku keempat 2021 telah meningkat sebanyak +3.6% berbanding penurunan sebanyak -4.5% pada suku ketiga 2021 didorong oleh perkembangan positif program vaksinasi yang membolehkan pembukaan semula kegiatan ekonomi berjalan dengan lancar. Peningkatan dilihat dalam semua sektor pada suku keempat 2021 berbanding suku sebelumnya, terutamanya sektor perkilangan yang mencatatkan kenaikan tertinggi pada +9.1%, didorong oleh permintaan luar negara yang kukuh berikutan kitaran teknologi global dan permintaan teguh dalam semikonduktor. Sektor pertanian turut mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak +2.8% berikutan peningkatan pengeluaran hasil dan kenaikan harga minyak sawit dunia (4Q21: RM5,159 satu tan, 4Q20: RM3,891 satu tan).

Pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang kurang memberangsangkan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022, berikutan suasana inflasi global yang tinggi dan berlarutan yang berpunca daripada kesesakan rantaian bekalan dunia, kenyataan Pengerusi Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat Jerome Powell berkenaan peningkatan kadar faedah akan dijalankan dengan lebih agresif bagi menangani inflasi serta peningkatan ketegangan konflik di Eropah yang menyaksikan Rusia melancarkan operasi ketenteraan khas ke atas Ukraine sejak Februari 2022. Konflik geopolitik ini telah mengakibatkan kenaikan mendadak harga komoditi dunia.

Indeks komposit utama antarabangsa telah mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan dengan prestasi terendah dicatat oleh China (SHSZ300) sebanyak -13.2%, Hong Kong (Hang Seng) sebanyak -10.5% dan Korea Selatan (KOSPI) sebanyak -10.1%. Sementara itu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN yang terlindung daripada kesan perang di Eropah dan sedang menjalankan proses pembukaan semula sempadan, mencatatkan kenaikan berbanding pasaran utama antarabangsa, sejajar dengan kenaikan harga komoditi sedunia. Prestasi tertinggi dicatatkan oleh Jakarta (JCI, +12.5%) diikuti oleh Vietnam (VN-Index, +11.1%) dan Singapura (STI, +10.4%).

Dalam tempoh tinjauan, penanda aras utama pasaran tempatan iaitu Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBM KLCI) telah mencatatkan kenaikan sebanyak 49.56 mata atau +3.2% untuk ditutup pada paras 1,587.36 mata pada 31 Mac 2022, berbanding 1,537.80 mata yang dicatatkan pada 30 September 2021. Paras tertinggi indeks iaitu 1,608.28 mata telah dicatatkan pada 28 Februari 2022, manakala paras terendah indeks iaitu 1,480.92 mata telah dicatatkan pada 14 Disember 2021.

Sektor-sektor yang mencatatkan kenaikan tertinggi bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022 adalah sektor Perladangan (+25.7%) diikuti dengan sektor Kewangan (+10.3%). Manakala sektor-sektor yang mencatat penurunan tertinggi adalah sektor Teknologi (-18.3%), Penjagaan Kesihatan (-16.8%) dan Telekomunikasi (-3.4%). Antara saham-saham komponen FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Sime Darby Plantations Bhd (+38.8%) Kuala Lumpur Kepong Bhd (+25.2%), dan Public Bank Bhd (+14.7%). Manakala saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan pula adalah Top Glove Corp Bhd (-33.3%), Inari Bhd (-16.8%) dan Maxis Bhd (-16.2%).

Sepanjang tempoh tinjauan, nilai mata wang Ringgit Malaysia menurun sebanyak -1.1% untuk ditutup pada paras RM4.2035/USD pada 31 Mac 2022 berbanding RM4.1862/USD pada 30 September 2021. Ringgit telah didagangkan pada paras terendah iaitu RM4.2385/USD pada 26 November 2021, manakala paras tertinggi adalah RM4.1403/USD pada 29 Oktober 2021. Penurunan nilai mata wang Ringgit ini adalah didorong oleh pengukuhan mata wang Dolar Amerika Syarikat disebabkan oleh jangkaan kenaikan kadar faedah.

3.4 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022, Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) BNM kekal pada 1.75% yang dilihat sebagai wajar dan mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan. Kadar simpanan tetap 12 bulan Maybank juga kekal pada kadar 1.85%.

Pemulihan ekonomi global daripada pandemik COVID-19 telah menyebabkan kenaikan kadar inflasi akibat peningkatan permintaan barangan dan perkhidmatan secara mendadak. Konflik geopolitik antara Russia dan Ukraine sejak bulan Februari 2022 juga telah menjadikan masalah kenaikan mendadak harga komoditi dunia lebih meruncing. Sejajar dengan ini, kadar hasil bon meningkat kerana bank-bank pusat dijangka akan mula menaikkan kadar dasar hasil bagi membendung isu kenaikan kadar inflasi.

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih tinggi pada 3.19%, 3.48% dan 3.84%, masing-masing naik sebanyak 69, 62 dan 46 mata asas bagi tempoh enam bulan pertama tahun kewangan ASN Equity 5. Dalam pasaran bon korporat pula, perubahan kadar hasil secara relatifnya adalah sejajar dengan sekuriti kerajaan. Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA2 berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan kenaikan kadar hasil antara 46 hingga 54 mata asas.

3.5 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Bagi tahun kewangan seterusnya, Pengurus Pelaburan ASN Equity 5 menjangkakan pertumbuhan yang positif dalam pasaran kewangan tempatan dan global, bergantung kepada kadar pertumbuhan ekonomi terutamanya dengan pembukaan semula sempadan-sempadan negara di seluruh dunia setelah COVID-19 memasuki fasa endemik.

IMF menjangkakan ekonomi global akan terus berkembang dengan pertumbuhan sebanyak +4.4% bagi tahun 2022, dan +3.8% bagi tahun 2023 (2021: +5.9%), didorong oleh penerusan semula kegiatan ekonomi dan kesan rangsangan monetari serta fiskal yang dilaksanakan oleh kebanyakan negara di seluruh dunia dalam memulihkan kegiatan ekonomi pasca COVID-19.

Namun begitu, masih terdapat pelbagai faktor yang boleh merumitkan suasana pelaburan seperti risiko geopolitik di Eropah, kadar inflasi global yang tinggi, peningkatan kadar polisi utama di negara-negara seluruh dunia serta ketidakstabilan politik di Malaysia. Namun, strategi pelaburan ASN Equity 5 akan memberi tumpuan kepada kelas aset ekuiti, yang dijangka dapat memastikan pulangan tabung kekal kompetitif berbanding penanda aras.

i. **Ekuiti**

Bagi 6 bulan seterusnya, pelaburan di dalam ekuiti domestik akan terus dilakukan secara selektif, berdasarkan analisa yang dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dalam unjuran ekonomi yang positif, serta diniagakan di bawah harga wajar dan juga menepati tema pelaburan semasa. Pengimbangan aktif antara pasaran domestik dan antarabangsa akan dilakukan berdasarkan analisis pelbagai faktor termasuk persekitaran makroekonomi, kadar tukaran wang dan aliran pelaburan. Pelaburan akan ditumpukan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

Untuk pelaburan pasaran domestik, tabung akan terus memberi tumpuan kepada sektor-sektor yang bertemakan pembukaan semula ekonomi seperti sektor kewangan, sektor pengangkutan dan logistik, serta sektor barangan bukan asasi pengguna selaras dengan perkembangan positif program vaksinasi. Pelaburan juga akan ditumpukan dalam sektor-sektor yang dijangkakan akan mendapat manfaat dari inflasi seperti sektor komoditi.

ASN Equity 5 juga akan kekal aktif dalam pelaburan di pasaran ekuiti antarabangsa yang akan dilaksanakan dengan menilai peluang antara negara – negara secara relatif, berdasarkan analisis pelbagai faktor termasuk persekitaran makroekonomi, kadar tukaran wang dan aliran pelaburan. ASN Equity 5 akan turut menumpukan pelaburan kepada sektor komoditi di peringkat antarabangsa.

Pengurus Pelaburan ASN Equity 5 juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

ASN Equity 5 akan lebih bertumpu kepada pelaburan ekuiti memandangkan kadar faedah yang berada pada trajektori menaik yang berjajaran songsang dengan nilai pasaran bon. Pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi menyediakan kecairan tunai untuk kegunaan harian dan memudahkan pergerakan portfolio perlaburan antara pasaran saham tempatan, antarabangsa dan lain-lain instrumen pasaran modal pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

Dalam menjana pulangan yang kompetitif, Pengurus Pelaburan ASN Equity 5 akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah-ubah. ASN Equity 5 juga akan mengambil strategi defensif dengan mengubah perumpukan aset sekiranya perlu, mengikut kesesuaian pasaran.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

ASN EQUITY 5

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada ASN EQUITY 5 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022, berserta dengan nota-nota yang dilampirkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Laporan Kewangan MFRS 134 Interim di Malaysia, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2022, dan prestasi kewangannya, serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada ASN EQUITY 5, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 10 Mei 2022.

TUN ARIFIN BIN ZAKARIA
Pengerusi

ENCIK AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
10 Mei 2022

5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

ASN EQUITY 5 ("Tabung"),

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022 dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pertanyaan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tempoh penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

ZAINUDIN BIN SUHAIMI
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
10 Mei 2022

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASN EQUITY 5

Laporan penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan ASN EQUITY 5 ("Unit Amanah"), yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Mac 2022, penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, dan penyata aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 17 hingga 44.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134 : Interim Financial Reporting ("MFRS 134") bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Mac 2022 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tempoh enam bulan berakhir pada tarikh tersebut.

Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kebebasan dan lain-lain tanggungjawab etika

Kami bebas daripada Unit Amanah selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Tahunan Unit Amanah tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Laporan tahunan ini dijangka tersedia kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit ini.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan samada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Unit Amanah adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan Amanah yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut MFRS 134. Pengurus juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Amanah yang bebas daripada salah sangkaan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Amanah, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Amanah untuk terus berjalan, dengan mendedahkan, sebagaimana yang berlaku, perkara-perkara yang berkaitan dengan keprihatinan berterusan dan menggunakan asas perakaunan berterusan kecuali para pengarah berhasrat untuk membubarkan Amanah atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk melakukannya.

Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk mengawasi proses pelaporan kewangan Amanah. Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurus menyimpan perakaunan yang betul dan rekod lain yang diperlukan untuk membolehkan penyampaian penyata kewangan ini benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Unit Amanah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud.

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Unit Amanah, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Unit Amanah.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh Pengurus.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Pengurus menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Unit Amanah untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Unit Amanah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Unit Amanah untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Unit Amanah, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk pemegang Unit Amanah, sebagai sebuah badan, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Ernst & Young PLT
202006000003
(LLP0022760-LCA) & AF 0039
Akauntan Bertauliah

Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor
No. 03083/07/2023 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
10 Mei 2022

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

	Nota	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2022 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2021 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		360,745	581,846
Pendapatan dividen		4,380,803	4,952,908
(Kerugian)/keuntungan ternyata daripada penjualan pelaburan (FVTPL)		(1,268,169)	10,526,235
(Kerugian)/keuntungan tidak ternyata daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTPL)		(13,926,681)	6,434,764
Keuntungan/(kerugian) bersih kadar tukaran asing		124,118	(138,290)
		(10,329,184)	22,357,463
PERBELANJAAN			
Yuran pengurus	4	1,575,383	1,869,897
Yuran pemegang amanah	5	110,277	130,893
Ganjaran juruaudit		15,000	15,000
Yuran ejen cukai		2,350	1,750
Perbelanjaan pentadbiran		987,251	2,015,193
		2,690,261	4,032,733
(KERUGIAN)/PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		(13,019,445)	18,324,730
CUKAI	6	-	-
(KERUGIAN)/PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		(13,019,445)	18,324,730
(Kerugian)/pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		765,117	11,839,560
Tidak ternyata		(13,784,562)	6,485,170
		(13,019,445)	18,324,730

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2022 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2021 RM
(KERUGIAN)/PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI	(13,019,445)	18,324,730
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi dalam tempoh berikutnya		
Keuntungan bersih daripada perubahan nilai saksama pelaburan (FVTOCI)	6,295,509	17,210,897
JUMLAH (KERUGIAN)/PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TEMPOH SEMASA	(6,723,936)	35,535,627
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:		
Ternyata	1,583,409	11,676,664
Tidak ternyata	(8,307,345)	23,858,963
	(6,723,936)	35,535,627

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.3 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 MAC 2022

	Nota	31.3.2022 RM	30.9.2021 RM
ASET			
Pelaburan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)	7	134,272,283	151,783,910
Pelaburan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FTVPL)	8	120,352,793	138,506,668
Deposit dengan institusi kewangan	9	62,485,368	37,902,890
Tuntutan cukai		-	-
Pendapatan belum diterima	10	1,433,081	985,487
Jumlah terhutang daripada broker saham		-	8,311,691
Jumlah terhutang daripada PNB	11	6,339,470	1,581,970
Tunai di bank		7,147,874	2,388,099
JUMLAH ASET		332,030,869	341,460,715
LIABILITI			
Peruntukan pengagihan		-	9,806,850
Jumlah terhutang kepada Pengurus		271,442	283,585
Jumlah terhutang kepada PNB	12	374,720	2,972,760
Pelbagai pemiutang		180,160	161,707
JUMLAH LIABILITI		826,322	13,224,902
NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH		**331,204,547**	**328,235,813**
EKUITI			
Modal pemegang unit	13	346,753,880	337,061,210
Rizab-rizab lain		(15,549,334)	(8,825,397)
JUMLAH EKUITI / NILAI ASSET BERSIH UNTUK PEMEGANG UNIT		**331,204,547**	**328,235,813**
UNIT DALAM EDARAN	13	**355,300,000**	**344,100,000**
NILAI ASET BERSIH SEUNIT		**0.9322**	**0.9539**

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.4 PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

	Modal Pemegang Unit RM	Rizab-rizab lain -Ternyata RM	-Tak ternyata RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Oktober 2020	405,077,856	2,399,980	(40,363,829)	367,114,007
Penjadian unit untuk jualan	13,531,384	-	-	13,531,384
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (30 September 2020)	12,867,300	-	-	12,867,300
Pembatalan unit	(78,201,774)	-	-	(78,201,774)
Jumlah pendapatan/ (kerugian) komprehensif bagi tempoh semasa	-	11,839,560	23,696,067	35,535,627
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	(162,896)	162,896	-
Pada 31 Mac 2021	353,274,766	14,076,644	(16,504,866)	350,846,544
Pada 1 Oktober 2021	337,061,210	4,732,593	(13,557,990)	328,235,813
Penjadian unit untuk jualan	50,822,570	-	-	50,822,570
Penjadian unit untuk pengagihan pelaburan (30 September 2021)	9,825,170	-	-	9,825,170
Pembatalan unit	(50,955,070)	-	-	(50,955,070)
Pengimbangan pengagihan bagi tempoh semasa	-			-
Jumlah pendapatan/ (kerugian) komprehensif bagi tempoh semasa	-	765,117	(7,489,053)	(6,723,936)
Pindahan keuntungan ternyata ke pendapatan belum diagihkan	-	818,293	(818,293)	-
Pada 31 Mac 2022	346,753,880	6,316,003	(21,865,336)	331,204,547

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.5 PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2022

	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2022 RM	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2021 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada jualan pelaburan	282,753,353	609,819,000
Pembelian pelaburan	(247,675,502)	(560,341,646)
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	351,613	725,423
Dividen bersih diterima	3,942,341	3,729,737
Yuran pengurusan dibayar	(1,587,526)	(1,877,161)
Yuran pemegang amanah dibayar	(111,127)	(131,401)
Perbelanjaan pentadbiran dibayar	(987,047)	(2,017,712)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi dan pelaburan	36,686,105	49,906,240
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Perolehan daripada penjadian unit	55,890,240	27,121,420
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(53,553,110)	(75,955,620)
Pengagihan kepada pemegang unit	(9,806,850)	(12,824,700)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(7,469,720)	(61,658,900)
PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	29,216,385	(11,752,660)
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	125,868	(134,333)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TEMPOH	40,290,989	48,668,003
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH	69,633,242	36,781,010
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	7,147,874	4,102,439
Deposit dengan institusi kewangan	62,485,368	32,678,571
	69,633,242	36,781,010
Tolak: Deposit dengan tempoh matang melebihi 3 bulan	-	-
Tunai dan persamaan tunai	69,633,242	36,781,010

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

7.6 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 MAC 2022

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

ASN EQUITY 5 (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan perlaksanaan Surat Ikatan bertarikh 17 Ogos 2018, antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinasikan di bawah Klausa 7 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 24 September 2018 dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 17 Ogos 2018.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbit menurut resolusi para Pengarah pada 10 Mei 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan beraudit Unit Amanah bagi tempoh berakhir 31 Mac 2021, telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan MFRS 134: Interim Financial Reporting ('MFRS 134")".

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS baru dan telah disemak perlu digunakan oleh entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Oktober 2021 tidak memberi kesan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen kewangan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf apabila Unit Amanah terlibat dalam kontrak instrumen.

Aset dan liabiliti kewangan dinilai pada nilai saksama. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan (selain daripada aset dan liabiliti kewangan FVTPL) ditambah atau ditolak daripada nilai saksama aset atau liabiliti kewangan tersebut, yang difikirkan sesuai, pada permulaan ia dikenalpasti. Kos transaksi daripada pengambilalihan atau penjualan aset dan liabiliti kewangan FVTPL dikenalpasti dalam untung rugi.

(b) Aset-Aset Kewangan

Kesemua pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa adalah diiktiraf dan dinyahiktirafkan berdasarkan asas perniagaan. Pembelian atau penjualan yang biasa adalah pembelian dan penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh peraturan atau amalan pasaran.

Aset kewangan yang diiktiraf akan dikira keseluruhannya pada kos dilunaskan atau nilai saksama, bergantung kepada pengkelasan aset tersebut.

(i) Pengkelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi kriteria berikut akan diukur pada kos dilunaskan setelah ditolak kerugian rosotnilai (kecuali instrumen hutang yang ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada permulaan pengiktirafan):

- Aset tersebut dipegang berdasarkan model perniagaan di mana aset dipegang untuk mendapatkan aliran tunai secara kontraktual.
- Terma-terma kontraktual instrumen tersebut akan menghasilkan pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata atas baki prinsipal pada tarikh-tarikh tertentu.

Instrumen hutang yang tidak memenuhi kriteria di atas diklasifikasikan sebagai FVTPL atau nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVTOCI") (lihat di bawah).

Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai FVTPL atau FVTOCI, bergantung kepada objektif pelaburan.

(ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (FVTPL)

Pelaburan dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai FVTPL melainkan Unit Amanah menandakan pelaburan tersebut bukan untuk jualbeli pada awal pengiktirafan sebagai FVTOCI.

Aset kewangan dikira untuk jualbeli sekiranya:

- ianya diperoleh dengan tujuan utamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat; atau
- pada permulaan pengiktirafan, ianya adalah sebahagian dari portfolio instrumen kewangan yang diurus secara keseluruhannya oleh Unit Amanah yang mana telah menunjukkan corak pengambilan untung jangka pendek; atau
- ianya adalah instrumen derivatif yang tidak ditandakan dan tidak berkesan sebagai instrumen perlindungan nilai atau sebagai jaminan kewangan.

Instrumen hutang yang tidak menepati ciri-ciri kos dilunaskan (rujuk ke atas) akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang yang menepati ciri-ciri kos dilunaskan tetapi telah ditandakan sebagai FVTPL akan dikira sebagai FVTPL. Instrumen hutang akan ditandakan sebagai FVTPL sekiranya penandaan tersebut akan menghilangkan atau mengurangkan perbezaan yang ketara dalam pengiraan atau penilaian aset atau liabiliti yang dilakukan ke atas pelaburan tersebut. Unit Amanah telah menandakan aset kewangan yang dipegang untuk tujuan jualbeli sebagai FVTPL.

Instrumen hutang dikelaskan semula dari kos dilunaskan kepada FVTPL apabila model perniagaan telah berubah sehingga menyebabkan ciri-ciri kos dilunaskan tidak lagi dipenuhi. Pengkelasan semula instrumen hutang yang ditandakan sebagai FVTPL adalah tidak dibenarkan.

Aset kewangan FVTPL dikira pada nilai saksama pada setiap penghujung tempoh pelaporan dengan sebarang untung atau rugi hasil dari penilaian semula diambil kira di dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan faedah atas instrumen hutang pada FVTPL dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

Pendapatan dividen dari pelaburan dalam instrumen ekuiti FVTPL dikira dalam akaun untung rugi apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan menurut MFRS 15 : Revenue from contracts with customers dan dinyatakan berasingan dalam akaun untung atau rugi.

(iii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (FVTOCI)

Pada permulaan pengiktirafan, Unit Amanah diberi pilihan untuk membuat pemilihan yang tidak boleh ditarikbalik (berasaskan pada setiap instrumen) bagi menandakan pelaburan dalam instrumen ekuiti sebagai FVTOCI. Penandaan sebagai FVTOCI tidak dibenarkan sekiranya instrumen ekuiti tersebut dipegang bagi tujuan jualbeli. Unit Amanah telah menetapkan aset kewangan dengan objektif untuk pendapatan dividen yang diterima atau jangka masa sederhana dan jangka panjang sebagai FVTOCI.

Instrumen hutang dengan matlamat untuk mencapai pengumpulan aliran tunai kontraktual dan penjualan aset kewangan ditetapkan sebagai FVTOCI.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti pada FVTOCI pada permulaannya diukur pada nilai saksama ditambah kos transaksi. Berikutnya, ianya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan dan kerugian hasil dari perubahan nilai saksama dikira dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan dikumpul di dalam rizab-rizab lain.

Keuntungan atau kerugian terkumpul tidak akan dikelaskan semula pada untung atau rugi atas penjualan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, keuntungan atau kerugian terkumpul atas instrumen hutang akan diklasifikasikan semula menjadi untung atau rugi semasa penjualan instrumen tersebut.

(iv) Rosotnilai dalam aset kewangan

Kerugian kredit diiktiraf berdasarkan model "Expected Credit Loss" (" ECL "). Unit Amanah mengiktiraf elaun kerugian untuk ECL pada instrumen kewangan yang tidak diukur pada FVTPL (aset kewangan yang merupakan instrumen hutang). Model rosotnilai ini tidak digunakan untuk pelaburan ekuiti.

ECL adalah anggaran kebarangkalian kerugian kredit. ECL diukur seperti berikut:

- Aset kewangan yang tidak rosot kredit pada tarikh pelaporan.

  Nilai semasa tunai mengalami kekurangan (iaitu perbezaan antara aliran tunai yang disebabkan oleh Unit Amanah mengikut kontrak dan aliran tunai yang dijangka diterima oleh Unit Amanah);

- Aset kewangan yang rosot kredit pada tarikh pelaporan.

  Perbezaan di antara jumlah bawaan kasar dan nilai semasa bagi anggaran aliran tunai masa hadapan.

  Pada setiap tarikh pelaporan, Unit Amanah akan menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan telah merosot kredit. Aset kewangan adalah 'rosot kredit' apabila satu atau lebih peristiwa yang menjejaskan anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Bukti yang menunjukkan aset kewangan telah mengalami rosot kredit merangkumi data yang boleh diperhatikan seperti berikut:

- Pengeluar atau rakan niaga mengalami masalah kewangan yang ketara.
- Instrumen mengalami penurunan nilai penarafan kredit yang ketara dari agensi penarafan.
- Perlanggaran kontrak seperti ingkar dan lewat tempoh; atau
- Ketiadaan pasaran aktif bagi sekuriti disebabkan oleh masalah kewangan.

(v) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan aset kewangan hanya apabila hak atas aliran tunai dari aset tersebut berakhir, atau apabila Unit Amanah memindahmilikkan aset kewangan dan segala risiko dan pulangan pemilikan aset tersebut kepada entiti lain.

Sekiranya Unit Amanah tidak memindahmilikkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan pulangan pemilikan tetapi masih menguasai aset yang telah dipindahkan tersebut, Unit Amanah hendaklah mengambilkira kepentingan dalam aset tersebut dan liabiliti yang perlu dibayar olehnya. Sekiranya Unit Amanah mengekalkan sebahagian besar risiko dan pulang pemilikan, Unit Amanah akan terus mengiktiraf aset tersebut dan juga pinjaman bercagar bagi hasil yang diterima.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada kos dilunaskan, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah yang diterima akan diambil kira dalam akaun untung atau rugi.

Bagi penyahiktirafan aset kewangan pada FVTOCI, keuntungan atau kerugian terkumpul dalam rizab penilaian pelaburan tidak dikelaskan kembali ke akaun untung atau rugi tetapi dikelaskan ke rizab bolehagih ternyata.

Pada penyahiktirafan aset kewangan pada FVTPL, keuntungan atau kerugian tak ternyata kumulatif dipindahkan ke akaun untung atau rugi semasa pelupusan.

(c) Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti

(i) Pengkelasan sebagai hutang atau ekuiti

Instrumen hutang atau ekuiti yang dikeluarkan oleh Unit Amanah dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan atau ekuiti bergantung kepada asas perjanjian dan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

(ii) Liabiliti Kewangan

Dalam skop MFRS 9, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Unit Amanah menjadi pihak kepada kontrak instrumen kewangan.

(iii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Unit Amanah menyahiktirafkan liabiliti kewangan hanya apabila tanggungan atau kewajipannya dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dan jumlah yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahmilik atau liabiliti diambilalih, diambil kira dalam akaun untung rugi.

(iv) Modal Pemegang Unit

Modal pemegang unit kepada Unit Amanah menepati tafsiran instrument 'puttable' yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Financial Instruments: Presentation.

Pengimbangan pengagihan mewakili purata jumlah yang boleh diagih yang termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit. Jumlah tersebut dipulangkan kepada pemegang unit sama ada melalui pengagihan dan/atau dipinda dengan sepenuhnya apabila unit dibatalkan.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

Pendapatan daripada pelaburan pada kos terlunas diakru berdasarkan kaedah kadar faedah berkesan / kadar keuntungan berkesan.

(e) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian").

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

(i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.

(ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.

(iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Transaksi dan imbangan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung Atau Rugi.

Perkara bukan kewangan diukur pada nilai saksama di dalam mata wang asing adalah ditukarkan berdasarkan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada pertukaran perkara-perkara bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama akan diambilkira sama seperti pengiktirafan keuntungan dan kerugian daripada perubahan nilai saksama sesuatu perkara (i.e perbezaan pertukaran bagi perkara-perkara yang keuntungan dan kerugian pada nilai saksama diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif ("OCI") atau penyata untung atau rugi, masing-masing juga turut diiktiraf di dalam OCI atau penyata untung atau rugi).

(f) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

(g) Cukai pendapatan

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka akan dikutip semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah adalah yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali setakat mana cukai yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar daripada keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau terus ke ekuiti.

Tiada cukai tertunggak yang diiktiraf memandangkan tiada perbezaan yang ketara.

(h) Pengukuran nilai saksama

Instrumen kewangan dikira pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan.

Nilai saksama adalah harga yang diterima untuk menjual aset atau bayaran untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Sekiranya ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti.

Pasaran yang paling utama atau berfaedah mesti boleh dimasuki oleh Unit Amanah.

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian bahawa peserta pasaran menilai aset atau liabiliti, bertindak demi kepentingan ekonomi mereka yang terbaik.

Unit Amanah menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan keadaan dan maklumat yang mencukupi untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam turutan nilai saksama, seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang penting kepada ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Aras 1: Harga tak terlaras disebutharga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.
- Aras 2: Input yang berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.
- Aras 3: Input yang tidak berdasarkan maklumat yang boleh dilihat di pasaran.

Bagi aset yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, Unit Amanah akan tentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam turutan dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan kepada input paras terendah yang penting kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

(i) Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Ketara

Penyediaan penyata kewangan Unit Amanah memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Unit Amanah. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting yang boleh menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

COVID-19 telah diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020. Wabak ini dan tindakan kerajaan Malaysia serta kerajaan-kerajaan di dunia bagi menangani wabak ini telah memberi kesan negatif kepada aktiviti-aktiviti komuniti, ekonomi dan operasi perniagaan. Oleh kerana wabak ini masih berkembang, adalah sangat sukar bagi meramalkan sejauh mana jangka masa dan kesannya terhadap perniagaan dan ekonomi, tempatan mahupun global.

Prestasi Unit Amanah untuk tahun kewangan semasa mungkin dipengaruhi oleh peningkatan turun naik di pasaran saham. Pengurus sedang mengawasi situasi ini dengan teliti dan akan terus menilai kesannya terhadap operasi dan prestasi Unit Amanah apabila situasi semakin berkembang. Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Unit Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

4. YURAN PENGURUS

Klausa 13.1 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurusan yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022 ialah 1% (31 Mac 2021 : 1%) setahun daripada NAB Unit Amanah.

5. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari semasa ke semasa. Telah dipersetujui bahawa yuran Pemegang Amanah akan dikenankan sebanyak 0.05% setahun daripada NAB Unit Amanah, yang mana lebih rendah,dikira dan diakru secara harian.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022 ialah RM 110,227 (31 Mac 2021 : RM 130,893).

6. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026 kecuali pendapatan faedah. Walau bagaimanapun pendapatan faedah dikecualikan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 jadual 6 perenggan 35 dan 35A.

Disebabkan oleh pengecualian daripada cukai, pendapata dividen yang diperolehi darapada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

7. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI LAIN-LAIN PENDAPATAN KOMPREHENSIF

	31.3.2022 RM	30.9.2021 RM
Pada Kos:		
Pelaburan disebut harga:		
Saham biasa	133,055,452	156,044,294
Pada Nilai Saksama:		
Pelaburan disebut harga:		
Saham biasa	134,272,283	151,783,910

(a) Pelaburan disebut harga – Dalam Negara

Pelaburan disebut harga pada 31 Mac 2022 adalah seperti berikut:

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.3.2022 %
Perkhidmatan Komunikasi				
Astro Malaysia Holdings Berhad	3,827,100	4,695,905	4,209,810	1.27
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Innature Berhad	8,154,100	5,668,152	5,381,706	1.62
Barangan Asasi Pengguna				
Kuala Lumpur Kepong Berhad	580,500	14,558,510	14,628,600	4.42
Sime Darby Plantation Berhad	2,850,000	11,963,044	14,164,500	4.28
United Plantations Berhad	425,000	6,375,000	6,375,000	1.92
	3,855,500	32,896,554	35,168,100	10.62
Kewangan				
CIMB Group Holdings Berhad	3,200,000	15,761,354	17,056,000	5.15
Hong Leong Bank Berhad	497,900	9,271,259	10,057,580	3.04
	3,697,900	25,032,613	27,113,580	8.19
Perindustrian				
Econpile Holdings Berhad	7,231,800	5,321,437	2,097,222	0.63
MISC Berhad	1,000,000	7,304,227	7,350,000	2.22
Sime Darby Berhad	2,400,000	5,392,100	5,760,000	1.74
	10,631,800	18,017,764	15,207,222	4.59
Teknologi				
Inari Amertron Berhad	500,000	1,953,405	1,535,000	0.46
Bahan Asas				
Petronas Chemicals Group Berhad	1,630,900	13,449,444	15,656,640	4.73
Press Metal Berhad	2,495,900	15,784,939	15,474,580	4.67
	4,126,800	29,234,383	31,131,220	9.40

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih pada 31.3.2022 %
Hartanah				
Sime Darby Property Berhad	10,395,500	7,111,768	6,133,345	1.85
Sunway Berhad	4,795,600	8,444,908	8,392,300	2.53
	15,191,100	15,556,676	14,525,645	4.38
Jumlah saham biasa	49,984,300	133,055,452	134,272,283	40.53
Jumlah pelaburan disebut harga	**49,984,300**	**133,055,452**	**134,272,283**	**40.53**

8. PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI UNTUNG ATAU RUGI

		31.3.2022 RM	30.9.2021 RM
Pada Kos			
Pelaburan disebut harga - dalam negara			
Saham biasa	(a)	81,795,227	75,933,286
Pelaburan disebut harga - luar negara	(b)	59,677,341	71,820,746
Saham biasa		47,841,161	71,820,746
REITs		1,211,731	-
Skim Pelaburan Kolektif		10,540,675	-
Hak Saham		83,774	-
Pelaburan tidak disebut harga - luar negara	(c)	2,054,270	-
		143,526,838	147,754,032
Pada Nilai Saksama:			
Pelaburan disebut harga - dalam negara			
Saham biasa	(a)	68,730,617	72,166,155
Pelaburan disebut harga - luar negara	(b)	49,550,543	66,340,513
Saham biasa		37,907,617	66,340,513
REITs		1,161,456	-
Skim Pelaburan Kolektif		10,425,360	-
Hak Saham		56,110	-
Pelaburan tidak disebut harga - luar negara	(c)	2,071,633	-
		120,352,793	138,506,668

(a) Pelaburan disebut harga - dalam negara

Pelaburan disebut harga pada 31 Mac 2022 adalah seperti berikut:

Syarikat	Nilai	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.3.2022 %
Saham biasa				
Kewangan				
Malayan Banking Berhad	2,450,000	21,344,400	21,903,000	6.61
RHB Bank Berhad	1,278,200	7,224,679	7,618,073	2.30
	3,728,200	28,569,079	29,521,073	8.91
Perindustrian				
HSS Engineers Berhad	2,571,700	1,592,383	1,221,558	0.37
Sunway Construction Group Berhad	2,506,900	4,769,331	4,311,867	1.30
	5,078,600	6,361,715	5,533,425	1.67
Teknologi Maklumat				
JHM Consolidation Berhad	1,500,000	2,933,850	1,995,000	0.60
MI Technovation Berhad	2,270,700	9,414,974	4,518,693	1.36
Unisem (Malaysia) Berhad	1,300,000	5,673,460	4,082,000	1.23
Pentamaster Corporation Berhad	315,200	1,744,191	1,188,304	0.36
Greatech Technology Berhad	600,000	4,338,840	2,844,000	0.86
	5,985,900	24,105,315	14,627,997	4.41
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Mr. D.I.Y. Group (M) Berhad	1,000,000	3,809,743	3,460,000	1.04
Tenaga				
Bumi Armada Berhad	10,000,000	4,810,645	4,100,000	1.24
Yinson Holdings Berhad	2,142,600	12,998,717	10,284,480	3.11
	12,142,600	17,809,362	14,384,480	4.35
Hartanah				
Eco World Development Group Berhad	1,215,800	1,140,013	1,203,642	0.36
Jumlah pelaburan disebut harga - dalam negara	**29,151,100**	**81,795,227**	**68,730,617**	**20.74**

(b) Pelaburan disebut harga - luar negara

Pelaburan disebut harga pada 31 Mac 2022 adalah seperti berikut:

Syarikat	Nilai	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Saksama Atas Nilai Aset Bersih Pada 31.3.2022 %
Saham biasa				
Australia				
CSL Ltd	3,000	2,476,007	2,539,459	0.77
China				
Perindustrian				
Contemporary Amperex Technology Co Ltd	4,940	1,916,505	1,675,635	0.51
Perancis				
Penjagaan Kesihatan				
Sanofi	5,600	2,399,391	2,422,326	0.73
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Kering SA	470	1,462,118	1,265,173	0.38
Utiliti				
Electricite de France SA	30,000	1,824,959	1,197,098	0.36
Jerman				
Teknologi Maklumat				
Infineon Technologies Ag	12,800	2,276,392	1,854,460	0.56
Hong Kong				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Alibaba Group Holding Ltd	24,000	1,521,296	1,443,926	0.44
Geely Automobile Holdings Limited	133,000	1,888,820	882,263	0.27
	157,000	3,410,116	2,326,189	0.71
Servis Komunikasi				
Tencent Holdings Ltd	7,000	1,487,187	1,405,821	0.42

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Pasaran Atas Nilai Aset Bersih pada 31.3.2022 %
Saham biasa (samb.)				
Indonesia				
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
PT Bukalapak.com	10,000,000	2,625,289	1,118,059	0.34
Jepun				
Teknologi Maklumat				
TDK Corporation	10,000	1,758,818	1,544,597	0.47
Perindustrian				
Fanuc Corporation	2,000	2,005,917	1,499,229	0.45
Belanda				
Tenaga				
Royal Dutch Shell Plc	12,500	1,155,700	1,458,557	0.44
Singapura				
Servis Komunikasi				
Grab Holdings Limited	104,285	4,388,354	1,534,072	0.46
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Sea Limited. ADR	1,750	2,476,447	881,078	0.27
Korea Selatan				
Coupang Corporation	15,500	2,165,471	1,151,781	0.35
Switzerland				
Bahan Asas				
Glencore PLC	64,000	1,523,946	1,771,136	0.53
United Kingdom				
Bahan Asas				
Antofagasta PLC	20,000	1,563,310	1,851,944	0.56

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Pasaran Atas Nilai Aset Bersih pada 31.3.2022 %
Saham biasa (samb.)				
Amerika Syarikat				
Teknologi Maklumat				
Adobe Inc.	570	1,631,418	1,091,525	0.33
Apple Inc	2,700	1,833,066	1,981,476	0.60
Microsoft Corp	1,220	1,683,986	1,580,896	0.48
Salesforce.com Inc	1,000	1,181,309	892,374	0.27
	5,490	6,329,779	5,546,270	1.68
Servis Komunikasi				
Alphabet Inc	135	1,633,189	1,578,139	0.48
Barangan Bukan Asasi Pengguna				
Amazon.com Inc	115	1,732,571	1,575,668	0.48
Tenaga				
Chevron Corporation	2,500	1,229,696	1,710,923	0.52
Jumlah saham biasa	10,459,085	47,841,161	37,907,617	11.47
REITs				
Amerika Syarikat				
American Tower Corporation	1,100	1,211,731	1,161,456	0.35
Jumlah REITs	1,100	1,211,731	1,161,456	0.35

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Pasaran Atas Nilai Aset Bersih pada 31.3.2022 %
Skim Pelaburan Kolektif				
Australia				
iShares Core S&P/ASX 200 ETF	23,800	2,118,123	2,340,331	0.71
Ireland				
iShares Gold Producers	22,000	1,485,721	1,527,988	0.46
Amerika Syarikat				
iShares MSCI Global Silver and Metals Miners ETF	7,200	437,485	430,317	0.13
iShares MSCI China ETF	7,050	1,894,321	1,567,179	0.47
iShares MSCI USA Min Vol Factor ETF	7,000	2,330,225	2,282,168	0.69
Vanguard Real Estate Index Fund ETF	5,000	2,274,800	2,277,377	0.69
	26,250	6,936,830	6,557,040	1.98
Jumlah Skim Pelaburan Kolektif	72,050	10,540,675	10,425,360	3.15
Hak Saham				
Perancis				
Electricite de France SA	30,000	83,774	56,110	0.02
Jumlah Hak Saham	30,000	83,774	56,110	0.02
Jumlah Pelaburan Disebut Harga - Luar Negara	10,562,235	59,677,341	49,550,542	14.99

(c) Pelaburan tidak disebut harga - Luar negara

Syarikat	Unit	Kos RM	Nilai Saksama RM	Nilai Pasaran Atas Nilai Aset Bersih pada 31.3.2022 %
Indonesia				
Teknologi Maklumat				
Aplikasi Karya Anak Bangsa PT	13,373,317	1,461,944	1,477,754	0.45
Singapura				
Hartanah				
PropertyGuru Group Ltd	14,130	592,326	593,879	0.18
Jumlah Pelaburan Tidak Disebut Harga	**13,387,447**	**2,054,270**	**2,071,633**	**0.63**

9. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	31.3.2022 RM	30.9.2021 RM
Pada kos		
Bank-bank berlesen	62,485,368	37,902,890

Purata wajaran kadar faedah efektif ("PWKFE") tahunan dan purata kematangan bagi simpanan dengan institusi kewangan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	31.3.2022		30.9.2021	
	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)	PWKFE (% p.a.)	Purata Kematangan (Hari)
Bank-bank berlesen	0.96	2	1.85	3

Tiada deposit dengan institusi kewangan dengan tempoh matang lebih daripada 90 hari (30 September 2021: tiada).

10. PENDAPATAN BELUM DITERIMA

	31.3.2022 RM	30.9.2021 RM
Dividen belum diterima	1,412,725	11,223
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain	20,356	974,264
	1,433,081	985,487

11. JUMLAH TERHUTANG DARIPADA PNB

	31.3.2022 RM	30.9.2021 RM
Jumlah terhutang daripada PNB terdiri daripada:		
Penjadian unit	6,339,470	1,581,970

12. JUMLAH TERHUTANG KEPADA PNB

	31.3.2022 RM	30.9.2021 RM
Jumlah terhutang kepada PNB terdiri daripada:		
Pembatalan unit	374,720	2,972,760

13. MODAL PEMEGANG UNIT

	31.3.2022		30.9.2021	
	Unit	RM	Unit	RM
Pada awal tempoh/ tahun	344,100,000	337,061,210	413,700,000	405,077,856
Penjadian unit untuk				
-Jualan	54,500,000	50,822,570	57,600,000	55,869,050
-Pengagihan semula pelaburan	10,300,000	9,825,170	14,500,000	12,867,300
	64,800,000	60,647,740	72,100,000	68,736,350
Pembatalan unit	(53,600,000)	(50,955,070)	(141,700,000)	(136,752,996)
	11,200,000	9,692,670	(69,600,000)	(68,016,646)
Pengimbangan pengagihan				
- Bagi tempoh/tahun	-	-	-	122,336
- Pengagihan pendapatan	-	-	-	(122,336)
Pada akhir tempoh/ tahun	355,300,000	346,753,880	344,100,000	337,061,210

Sepanjang tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022, pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Mac 2022, PNB secara sah memegang 522,522 unit (30 September 2021 : 500,736 unit) merangkumi 0.15% (30 September 2021 : 0.15% daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

14. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/ BROKER/ DEALER/ INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/ broker/ dealer/ institusi kewangan terbesar mengikut nilai urus niaga adalah seperti berikut:

	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
Syarikat Broker	**RM**	**%**	**RM**	**%**
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	47,157,309	13.37	63,907	13.20
Maybank Investment Bank Berhad*	34,754,934	9.85	38,562	7.96
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	34,392,161	9.75	49,471	10.22
AmInvestment Bank Berhad*	28,187,740	7.99	42,282	8.73
CLSA Securities Malaysia Sdn. Bhd	25,805,217	7.31	38,708	7.99
Alliance Investment Bank Berhad*	21,778,560	6.17	32,668	6.75
CGS-CIMB Securities Sdn.Bhd.	21,684,657	6.15	33,599	6.94
UBS Securities Malaysia Sdn.Bhd.	20,795,416	5.89	30,787	6.36
Ta Securities Holdings Berhad	17,984,159	5.10	26,976	5.57
MIDF Amanah Investment Bank Berhad*	17,842,823	5.06	17,868	3.69
Lain-lain	82,420,423	23.36	109,464	22.59
	352,803,399	100.00	484,292	100.00

ASNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

15. PUSING GANTI PORTFOLIO

	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2022	Tempoh enam bulan berakhir 30.3.2019
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.80	1.61

PGP adalah dikira berdasarkan pada nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan di dalam tempoh kewangan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

16. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Tempoh enam bulan berakhir 31.3.2022	Tempoh enam bulan berakhir 30.3.2019
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.82%	1.11%

NPP adalah dikira berdasarkan pada nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata NAB Unit Amanah untuk tempoh kewangan dikira berpandukan asas harian.

17. TURUTAN NILAI SAKSAMA

Unit Amanah menggunakan turutan berikut untuk menentukan nilai saksama semua instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama:

Aras 1: Harga tak terlaras disebutharga dalam pasaran aktif bagi aset dan liabiliti atau serupa.

Aras 2: Input yang berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Aras 3: Input yang tidak berdasarkan data yang boleh dilihat di pasaran.

31.3.2022	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	134,272,283	-	-	134,272,283
	134,272,283	-	-	134,272,283
Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	118,281,160	-	-	118,281,160
Pelaburan tidak disebut harga			2,071,633	2,071,633
	118,281,160	-	2,071,633	120,352,793

30.9.2021	Aras 1	Aras 2	Aras 3	Jumlah
Pelaburan pada FVTOCI				
Pelaburan disebut harga	151,783,910	-	-	151,783,910
Pelaburan pada FVTPL				
Pelaburan disebut harga	138,506,668	-	-	138,506,668

Tiada pindahan dari Aras 1 dan Aras 2 dalam tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Jadual berikut menunjukkan penyelarasan nilai saksama Aras 3:

	31.3.2022 RM	31.9.2021 RM
Pada awal tempoh	-	-
Pemerolehan ke perolehan	2,054,270	-
Jumlah untung tidak temyata	17,363	-
Pada akhir tempoh	2,071,633	

18. INSTRUMEN KEWANGAN DAN PENZAHIRAN BERKAITAN

(i) Tunai dan Persamaan Tunai, Instrumen Pasaran Kewangan, Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham, Tuntutan Cukai, Peruntukan Pengagihan, dan Pendapatan Belum Diterima.

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

(ii) Pelaburan di Sebut Harga

Nilai saksama saham disebut harga, waran dan REITs ditentukan berdasarkan harga terakhir yang disebut di Bursa Malaysia dan Bloomberg untuk pelaburan luar negara pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(iii) Pelaburan tidak disebut harga

Unit amanah menggunakan kaedah aliran tunai diskaun untuk menentukan nilai saksama bagi pelaburan tidak disebut harga. Kaedah atau gabungan beberapa kaedah berbeza boleh digunakan bergantung pada keadaan seperti perubahan dalam syarikat , amalan industri dan evolusi dalam pelbagai kaedah penilaian. Oleh itu, nilai saksama setiap syarikat akan berbeza- beza bergantung pada kaedah yang digunakan.

(iv) Skim pelaburan kolektif

Nilai saksama skim pelaburan kolektif tersenarai adalah berdasarkan harga belian semula yang diterbitkan terakhir pada tarikh penyata kedudukan kewangan

(v) Skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan

Nilai saksama bagi skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan adalah berdasarkan kepada harga terbitan pembelian terakhir.

19. PERBANDINGAN

Perbandingan penyata kewangan adalah seperti berikut:

(i) Perbandingan penyata kedudukan kewangan dan nota-nota berkenaan adalah pada tarikh.

(ii) Perbandingan penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan adalah untuk tempoh dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Mac 2021.

20. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 **Kuala Lumpur,** Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 **Putrajaya,** Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 &18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 **Shah Alam,** Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor, 45000 **Kuala Selangor,** Selangor
MELAKA	**NEGERI SEMBILAN**
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, **Bukit Baru,** 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 **Seremban,** Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 **Ipoh,** Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 **Teluk Intan**, Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 **Kuantan,** Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 **Temerloh,** Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 **Bayan Lepas,** Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 **Seberang Jaya,** Pulau Pinang
PERLIS	**TERENGGANU**
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 **Kangar,** Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 **Kuala Terengganu,** Terengganu ***Ahad - Khamis*** ***8:15am - 4:00pm*** ***(Kecuali Cuti Umum)***
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 **Kota Bharu**, Kelantan ***Ahad - Khamis*** ***8:15am - 4:00pm*** ***(Kecuali Cuti Umum)***	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 **Pasir Puteh**, Kelantan ***Ahad - Khamis*** ***8:15am - 4:00pm*** ***(Kecuali Cuti Umum)***
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 **Alor Setar,** Kedah	No.51 & 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 **Sungai Petani**, Kedah

JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Bandar Penggaram 83000 **Batu Pahat** Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 **Johor Bahru** Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 **Segamat**, Johor	
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 **Kota Kinabalu**, Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 **Tawau,** Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 **Lahad Datu**, Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 **Keningau**, Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 **Sandakan**, Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 **Kuching**, Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 **Miri,** Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 **Bintulu**, Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 **Limbang**, Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 **Sri Aman**, Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 **Sibu,** Sarawak

PENGURUS
AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)
Anak syarikat milik penuh:
PERMODALAN NASIONAL BERHAD 197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR
Tingkat 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB
03-7730 8899

EMEL
asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB
www.asnb.com.my

PORTAL
www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH
AmanahRaya Trustees Berhad
200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR
Tingkat 11, Wisma AmanahRaya
No. 2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2036 5129/5003
Faks: 03-2072 0320
Emel: art@arb.com.my

LAMAN WEB
www.artrustees.my